

# PM serah surat letak jawatan

UM - 16/8/2021 mlc: (

Oleh **ASLINDA NASIR**

aslinda.nasir@mediamulla.com.my

**PETALING JAYA:** Selepas gagal menarik kerjasama parti-parti pembangkang untuk bersama kerajaan Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin disahkan akan mempersembahkan surat meletak jawatan sebagai Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agong hari ini.

Kini terserah kepada kebijaksanaan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah untuk membuat keputusan sama ada menerima atau sebaliknya peletakan jawatan Muhyiddin.

Mengesahkan kepada *Utusan Malaysia*, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Seri Mohd.

Redzuan Md. Yusof berkata, Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) itu sudah mendapat perkenan untuk menghadap Agong di Istana Negara.

“Ya, sah Perdana Menteri mahu letak jawatan. Surat peletakan jawatan akan dipersembahkan kepada Agong esok (hari ini).

“Tuanku sudah berkenan jumpa Muhyiddin. Masa tidak pasti tetapi difahamkan selepas beliau (Muhyiddin) mempengerusikan mesyuarat Kabinet sebelah pagi,” kata beliau ketika dihubungi semalam.

Setakat pukul 9 malam tadi, beberapa parti termasuk UMNO dipercayai telah menamakan seorang calon Perdana Menteri untuk dipersembahkan kepada Agong.

Pada masa sama, Pakatan Harapan (PH) semalam memberi lampu hijau kepada pakatan pembangkang untuk berunding dengan seteru politik bagi merungkai situasi politik

semasa. Malam tadi juga usaha memujuk Muhyiddin supaya tidak meletak jawatan terus dilakukan oleh Bersatu.

Terdahulu, kata Redzuan yang juga Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu, Muhyiddin menghadiri mesyuarat bersama semua ahli Parlimen Bersatu di Publika dekat sini semalam. Bagaimanapun Menteri Kanan, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali tidak menghadiri mesyuarat itu.

**Bersambung di muka 4**

## Agong penentu

**KEBIJAKSANAAN** Yang di-Pertuan Agong menjadi sandaran rakyat untuk menamatkan segera kemelut politik negara yang ketika ini masih bergelut dengan pandemik Covid-19.

